

# Angkara orang tengah mahu kaut keuntungan

**KUALA LUMPUR 11 Julai** - Kenaikan harga ayam dalam musim perayaan Aidilfitri didakwa angkara tindakan pemborong selaku orang tengah yang mahu mengaut untung berlipat kali ganda berikutan permintaan yang tinggi oleh pengguna.

Naib Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor, **Idrus Zainal Abidin**, ini kerana pihaknya menjual ayam pada harga sebagaimana kontrak iaitu RM4.20 seekor.

“Selepas tempoh 35 hari, pemborong sebagai orang tengah akan datang ke tempat kami untuk mengambil ayam-ayam yang matang ini pada harga yang disebutkan tadi. Kami tidak boleh jual pada harga yang lebih kerana ia telah termaktub dalam kontrak.

“Adalah perlu pihak kementerian memantau orang tengah ini kerana mereka mempunyai ‘kuasa yang lebih’ serta bebas dalam menentukan harga untuk pasaran terbuka. Jangan hanya pantau peniaga,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenaikan harga ayam melampau sehingga

mencecah RM30 seekor sejak umat Islam menyambut Aidilfitri Rabu lalu.

Perkara itu disahkan Pengerah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Kelantan, Datuk Ab. Ghani Harun ketika beliau menyamar sebagai pengguna dalam Op Harga Ayam di Pasar Siti Khadijah, di Kota Bharu.

Katanya, beliau terkejut apabila mendapati seekor ayam yang berat purata sekitar sekilogram setengah dijual pada harga RM20 hingga RM30 seekor.

Skim kawalan harga sempena Aidilfitri menetapkan ayam dijual pada harga RM7.90 sekilogram sehingga pada hari raya pertama. Bagaimanapun, sebaik tamat tempoh tersebut, peniaga didapati mengambil kesempatan dengan menaikkan harga bahan mentah itu sehingga RM18 sekilogram.

Idrus berkata, beliau tidak menolak wabak penyakit *infec-*

*tious bronchitis* atau bronchitis berjangkit (IB) yang menyerang beribu-ribu ekor ayam menjadi punca harga ayam di seluruh negara naik mendadak sehingga M10 sekilogram.

Menurut Setiausaha Persatuan Penternak Ayam Perak, **Mohd.**

**Ryfe Abdullah**, pihak kerajaan perlu membuat pemantauan segera ke atas pemborong kerana harga ayam dijangka boleh meningkat sehingga mencecah RM10.

“Peniaga tidak mempunyai pilihan untuk menaikkan harga kerana harga ayam yang diterima sama seperti harga siling sekali gus menyebabkan

mereka terpaksa melanggar skim kawalan harga tersebut.

Sementara itu, pengurus kanan sebuah syarikat pembekal ayam, Charoen Pokphand Malaysia, **Long Hien Yen** berkata, harga ayam di pasaran kebiasaannya bergantung kepada keadaan semasa.



**IDRUS ZAINAL ABIDIN**



**PENIAGA** menyediakan bekalan ayam yang mencukupi untuk keperluan pelanggannya di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. - GAMBAR HIASAN